



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS (TUKANG ELEKTRIK) (D.3 EB.4-5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS (TUKANG ELEKTRIK)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Elektronik / Komunikasi / Matematik / Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
2. Berkebolehan membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
3. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam hal ehwal kejuruteraan penyiaran / media penyiaran / perkembangan teknologi dari semasa ke semasa adalah kelebihan;
4. Berpengalaman dalam tugas-tugas *rigging* lampu studio dalam bidang kejuruteraan / kejuruteraan penyiaran adalah kelebihan;



5. Berpengalaman dalam tugas-tugas operasi atau teknikal dalam bidang kejuruteraan / kejuruteraan penyiaran adalah kelebihan;
6. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan; dan
7. Hendaklah mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik di samping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan di bawah jagaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pengurus Teknik Studio atau Penolong Operesen Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan yang berkenaan;
2. Membantu dalam menjalankan tugas hal ehwal operasi penyiaran televisyen / penyiaran radio berdasarkan kepada penempatan (seksyen / unit) Pengawas (Tukang Elektrik) tersebut seperti di studio televisyen / studio radio / post produksi dan rakaman televisyen / siaran luar;
3. Mengawas juruelektrik / juruteknik yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal pemasangan dan pemeliharaan peralatan elektrik; dan
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.